

05 SEP 1998
Polis-Anwar
ANWAR CUBA CAMPURI SIASATAN BUKU "50 DALIL"

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim cuba campur tangan dalam siasatan polis terhadap buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Menjadi PM," Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor berkata hari ini.

Katanya polis menerima empat aduan polis Anwar cuba berbuat demikian antara bulai Julai dan Ogos lepas.

Anwar digugurkan daripada Kabinet Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Rabu lepas dan disingkir daripada UMNO sehari kemudian.

Rahim berkata demikian pada persidangan media untuk memberi penjelasan terhadap dakwaan Anwar kononnya polis terlibat dalam konspirasi peringkat tinggi untuk menjatuhkan bekas timbalan perdana menteri itu.

"Selain daripada empat aduan polis tersebut, kita mempunyai bukti-bukti lain bahawa beliau mengambil inisiatif-inisiatif yang kuat dan konsisten untuk mempengaruhi jalannya penyiasatan polis, rentaknya penyiasatan polis, untuk faedah beliau," katanya.

Abdul Rahim berkata bukti-bukti itu akan diketengahkan di mahkamah sekiranya perlu.

Beliau berkata dua daripada empat aduan polis tersebut mendakwa Anwar menakut-nakutkan saksi-saksi agar mereka tidak bekerjasama dalam siasatan polis berhubung buku itu.

Dua aduan lagi mendakwa Anwar menyalahgunakan kedudukannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan agar siasatan polis terhadapnya dan kawan-kawannya ditutup dan tidak diteruskan sampai dihadapkan ke mahkamah.

Anwar juga didakwa cuba mengubah bukti-bukti dalam penyiasatan polis.

Abdul Rahim bagaimanapun tidak menyatakan nama-nama orang awam yang membuat aduan polis itu.

Beliau memberi jaminan polis sedang menjalankan siasatan terhadap aduan tersebut dengan seadil-adilnya mengikut Seksyen 3 (3) Akta Polis.

Mengenai dakwaan Anwar bahawa polis terlibat dalam konspirasi untuk menjatuhkannya, Abdul Rahim berkata, polis tidak mempunyai "locus standi" untuk menjawab kenyataan yang berbau politik kerana ia terikat dengan Seksyen 3 (3) Akta Polis 1967, yang merupakan undang-undang induk Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Bagaimanapun, katanya selaras dengan lima kewajipan dan fungsi induk polis yang diperuntukkan dalam seksyen berkenaan, polis menjalankan tugasnya secara profesional mengikut lunas undang-undang berkenaan.

Rahim turut membacakan seksyen itu yang antara lain menyebut bahawa Polis Diraja Malaysia tertakluk kepada akta berkenaan dan ditugaskan di seluruh Malaysia termasuk kawasan perairannya.

Ia juga menyebut pasukan polis bertanggungjawab terhadap pemeliharaan undang-undang dan ketenteraman, penjagaan keamanan dan keselamatan Malaysia, pencegahan dan pengesanan jenayah, penangkapan dan pendakwaan ke atas mereka yang melakukan kesalahan dan pengumpulan maklumat keselamatan.

"Yang kita boleh jawab ialah kita sedang menyiasat empat laporan polis demi maruah dan nama baik polis dan demi Seksyen 3 (3)," katanya.

"Apa yang kita lakukan sejauh ini adalah menyiasat empat aduan polis termasuk oleh Anwar sendiri terhadap buku itu (50 Dalil)," tambahnya.

Abdul Rahim berkata siasatan dijalankan terhadap seluruh isi kandungan buku itu "dari kulit depan hingga muka belakang", termasuk aduan polis mengenai dakwaan Anwar mempunyai anak haram.

Katanya, siasatan dijalankan dengan penuh bertanggungjawab dan profesional mengikut prosedur dan landasan undang-undang, termasuk Kanun Acara Jenayah.

Abdul Rahim berkata polis telah menyiasat dengan teliti dan saksama dan terbukti dakwaan berhubung anak luar nikah yang terpapar dalam buku itu adalah tidak benar.

"Apabila kita sudah pasti kita terus rujuk kepada Peguam Negara dan (kes itu) telah dibawa ke mahkamah... kita tak berat sebelah," katanya.

"Jadi saya kira dan adalah harapan saya dan pucuk pimpinan polis bahawa dengan penjelasan ini orang ramai mengerti dan faham adalah tidak benar kita tidak profesional dan berat sebelah...", katanya.

Ketika ditanya bagaimana caranya polis membuktikan dakwaan anak luar nikah itu tidak benar, Abdul Rahim berkata, menerusi ujian DNA yang dijalankan polis melalui Jabatan Kimia terbukti anak itu adalah anak Azmin Ali (Setiausaha Sulit Anwar).

Katanya, ujian DNA telah dilakukan ke atas contoh darah Azmin, isterinya dan anak itu.

Beliau berkata berdasarkan bukti itu polis telah menyerahkan hasil penyiasatannya kepada Pejabat Peguam Negara dan ekoran itu, penulis buku itu telah didakwa di mahkamah.

Ketika diminta mengulas kenyataan Anwar yang mendakwa beliau telah melakukan dua ujian DNA, satu di dalam negeri dan satu lagi di luar negara, Abdul Rahim menjelaskan ujian DNA di dalam negeri yang dilakukan Jabatan Kimia bukan ke atas contoh darah Anwar.

"Sebenarnya dia enggan memberikan darahnya untuk ujian DNA di Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

SN ZKS KHY